



مَجْلِسُ اِسلامِ نِجَري كِدا

PELAN STRATEGIK

MAIK

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH

2026-2030



مَجْلِسُ اِسلامِ نِگري فَدَجْ كَدَا اَلْمَدِيْنَة

PELAN
STRATEGIK
MAIK
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH

2026–2030

Cetakan Pertama 2026

Majlis Agama Islam Negeri Kedah.

Semua Hak Cipta Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Majlis Agama Islam Negeri Kedah.

KANDUNGAN

PERUTUSAN YANG DIPERTUA
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH

KATA ALU-ALUAN SETIAUSAHA
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH

BAB 1 Pengenalan Kepada Organisasi	1
BAB 2 Hala Tuju Strategik MAIK 2026-2030	13
BAB 3 Kerangka Pelan Strategik MAIK 2026-2030	17
BAB 4 Mengurus Pelaksanaan Pelan Strategik Dengan Berkesan	37
BAB 5 Pelaksanaan Pemantauan dan Penilaian	45
BAB 6 Penutup	49
BAB 7 Galeri dan Penghargaan	53



DULI YANG TERAMAT MULIA
TENGGU SARAFUDIN BADLISHAH IBNI AL-AMINUL KARIM SULTAN SALLEHUDDIN
TUANKU RAJA MUDA KEDAH
MERANGKAP
YANG DIPERTUA MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PERUTUSAN

YANG DIPERTUA MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Alhamdulillah, segala pujian ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia dan hidayah-Nya, Pelan Strategik Majlis Agama Islam negeri Kedah 2026-2030 dapat dihasilkan. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak terlibat yang bersama-sama menyumbang idea dalam menghasilkan Pelan Strategik MAIK 2026-2030 ini.

MAIK perlu sentiasa kekal sebagai satu institusi yang relevan dalam memenuhi keperluan semasa, merangkumi keadaan persekitaran, ekonomi dan sosial serta norma baharu dalam masyarakat setempat dengan memberikan perkhidmatan yang bertepatan dan memenuhi kehendak pelanggan dan pemegang taruh. Sebagai sebuah organisasi pembuat dasar-dasar yang berkaitan dengan pengurusan hal ehwal agama Islam di negeri Kedah, pelan strategik ini diperlukan dalam menentukan hala tuju MAIK.

MAIK akan terus dan sentiasa menjadi satu badan penasihat agama Islam yang tertinggi kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Ia dapat direalisasikan melalui pelaksanaan pelan strategik ini dengan berpandukan kepada enam (6) Teras Strategik utama, iaitu memacu pertumbuhan ekonomi dan keutuhan sosial ummah, menyemarakkan syiar Islam dan meneguhkan akidah ummah, meningkatkan kecekapan perkhidmatan berteraskan organisasi digital dan automasi pintar, mengukuhkan kecekapan pengurusan kewangan dan pelaburan, memperkasa keterlihatan tadbir urus organisasi dan keberkesanan undang-undang serta modal insan produktif, kompeten dan berprestasi tinggi.

Saya berharap agar seluruh kakitangan MAIK dapat melaksanakan sepenuhnya hala tuju Pelan Strategik MAIK 2026-2030 dan merealisasikan pelan tindakan yang telah ditetapkan.

Semoga segala usaha yang dijalankan akan diberkati Allah S.W.T hendak-Nya.

Sekian, terima kasih.

KATA ALU-ALUAN

SETIAUSAHA MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,


Alhamdulillah, saya melafazkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT, Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman (MAIK) telah berjaya menghasilkan dokumen Pelan Strategik MAIK bagi tempoh masa 2026-2030.

Dokumen ini akan dijadikan rujukan utama dalam merancang, melaksana, memantau dan menilai tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada warga kerja MAIK. Pelaksanaan pelan strategik merupakan satu kaedah berkesan dan berdaya saing dalam menyediakan hala tuju yang jelas dalam pentadbiran MAIK. Perancangan pelan strategik ini mendokong Visi, Misi dan Objektif MAIK serta mencakupi setiap aspek yang terlibat dalam proses kerja agar dapat difahami dan dijadikan panduan oleh semua warga kerja MAIK. Peranan serta fungsi semua Bahagian di MAIK akan digerakkan secara bersepadu dalam satu pasukan yang lebih berintegriti, responsif, profesional dan inovatif, selaras dengan nilai bersama yang telah ditetapkan.

Saya amat mengharapkan warga kerja MAIK dapat mengambil tindakan yang proaktif ke arah merealisasikan segala apa yang telah dirancang dan dibukukan di dalam Pelan Strategik MAIK 2026-2030 ini dalam usaha MAIK menuju ke arah kecemerlangan. Semoga segala perancangan diiringi dengan doa dan diikuti dengan perlaksanaan, Insya-Allah kita akan terus mencapai kejayaan.

Akhir kata, sekalung penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan pembangunan Pelan Strategik MAIK 2026-2030.

Sekian, terima kasih.





DATO' DR. SYEIKH HAJI ABD GHANI@ZULKIFLI BIN HAJI ZAINUDDIN,
SETIAUSAHA
MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PELAN
STRATEGIK

MAIK

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH

2026–2030

BAB 1

PENGENALAN KEPADA ORGANISASI

SEJARAH PENUBUHAN

Kedah adalah sebuah negeri tertua di Malaysia dan merupakan negeri yang terawal mengamalkan sistem pemerintahan Islam. Sistem pemerintahan ini telah diperkenalkan oleh Sultan Kedah pertama yang memeluk agama Islam dan mula mengamalkan hukum Islam di dalam pemerintahan negeri, iaitu Sultan Al Muzaffar Shah I (1136-1179). Di bawah sistem pemerintahan ini, Sultan menjadi ketua kerajaan dan ketua agama Islam. Pada zaman tersebut, alim ulama dilantik menjadi penasihat hal ehwal agama Islam dan mereka digelar sebagai Guru Sultan.

Peranan Guru Sultan ditambah baik ketika pemerintahan Kebawah Duli Sultan Kedah yang ke-24, iaitu Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah ibni Almarhum Sultan Zainal Rashid Al-Mu'adzam Shah I (1854-1879) dengan membahagikan peranan Guru Sultan kepada tiga bahagian utama, iaitu Mufti, Kadi dan Imam. Kemudian, ketika pemerintahan Paduka Sri Sultan Abdul Hamid Halim Shah Ibni Al-Marhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah (1881- 1943), iaitu Sultan Kedah yang ke-26, peranan tiga bahagian ini telah digabungkan di bawah satu institusi agama khas yang diletakkan di bawah pentadbiran kerajaan negeri dan dinamakan sebagai Pejabat Agama Negeri Kedah. Pejabat Agama Negeri Kedah tersebut berperanan dalam urusan hal ehwal Islam negeri Kedah secara amnya dan khusus kepada urusan nikah dan cerai. Ia diketuai oleh seorang Syeikhul Islam yang dilantik oleh Sultan.



Struktur dan fungsi Pejabat Agama Negeri Kedah diperkemas lagi ketika di bawah pemerintahan Ke Bawah Duli Tuanku Sultan Kedah yang ke-27, iaitu Sultan Sir Badlishah ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah (1943-1958) pada tahun 1952. Pejabat Agama Negeri Kedah tersebut telah dijenamakan semula sebagai Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu. Struktur organisasi Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu tersebut dianggotai oleh seorang ketua yang digelar Yang Dipertua, seorang Setiausaha dan 22 orang ahli yang terdiri daripada 11 orang alim ulama Negeri dan 11 orang pegawai adat istiadat Melayu.



Ketika di bawah pemerintahan Al-Sultan Al Mu'tassimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah (1958-2017), iaitu Sultan Kedah yang ke-28, Majlis Agama Islam Negeri Kedah telah ditubuhkan bagi menggantikan peranan Majlis Agama Islam Negeri dan Adat Istiadat Melayu.

Penubuhan Majlis Agama Islam Negeri Kedah telah dilaksanakan pada 4 April 1963, bersamaan 11 Zulkaedah 1382 melalui penguatkuasaan Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam – Undang-Undang Negeri Kedah No.9 Tahun 1962. Seterusnya, Majlis Agama Islam Negeri Kedah ini telah diisytiharkan sebagai sebuah institusi rasmi yang menjaga hal ehwal agama Islam di negeri Kedah pada tahun 2008 di bawah Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008.

Pembaharuan yang telah dibuat pada tahun 2008 ialah perlantikan jawatan Yang Dipertua Majlis bukan lagi daripada Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK), sebaliknya dilantik terus oleh Sultan Kedah yang memerintah. Sejak itu, nama Majlis Agama Islam Negeri Kedah atau dengan nama singkatannya MAIK telah digunakan sehingga kini.

PERANAN UTAMA DAN OBJEKTIF MAIK

PERANAN

- Membuat dasar-dasar berhubung dengan pentadbiran hal ehwal agama Islam di negeri Kedah.
- Membantu mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di negeri Kedah selaras dengan hukum syarak.
- Pemegang Amanah ke atas orang-orang dan harta benda umat Islam di negeri Kedah dan menguruskannya dengan berlandaskan Hukum Syarak.
- Mempertingkatkan kualiti tadbir urus pengurusan.

OBJEKTIF

- Memacu pertumbuhan ekonomi dan keutuhan sosial ummah.
- Menyemarakkan syiar Islam dan meneguhkan akidah ummah.
- Meningkatkan kecekapan perkhidmatan berteraskan organisasi digital dan automasi pintar.
- Mengukuhkan kecekapan pengurusan kewangan dan pelaburan.
- Memperkasa keterlihatan, tadbir urus organisasi dan keberkesanan undang-undang.
- Modal insan produktif, kompeten dan berprestasi tinggi.

PEMEGANG TARUH DAN PELANGGAN

PEMEGANG TARUH

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
TUANKU SULTAN KEDAH

TUANKU YANG DIPERTUA MAIK

MENTERI BESAR KEDAH

SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KEDAH

AHLI-AHLI
MESYUARAT MAIK

PELANGGAN

JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI KEDAH

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH

AGensi KERAJAAN PERINGKAT PERSEKUTUAN DAN NEGERI

BADAN-BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN NEGERI

INSTITUSI AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH DARUL AMAN

SEKTOR SWASTA

PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO)

ORANG AWAM

MOTO DAN NILAI BERSAMA

MAIK CEMERLANG, UMMAH SEJAHTERA

NILAI BERSAMA

KEPUTUSAN BERSAMA

Mengamalkan budaya membuat keputusan secara bersama melalui keputusan mesyuarat yang diputuskan secara kolektif.

PRIHATIN

Sentiasa melihat persekitaran dalaman dan luaran bagi melaksanakan sesuatu tugas dan peranan bagi menyelesaikan masalah ummah.

PROFESIONAL

Mementingkan ilmu pengetahuan, kepakaran, keberkesanan dan peningkatan kompetensi dalam semua tugas dan tanggungjawab.

Mempraktikkan budaya kerja berprestasi tinggi dan sentiasa berusaha untuk membaiki diri daripada kesilapan.

PENAMBAH-BAIKAN BERTERUSAN

INTEGRITI

Mempunyai sikap jati diri bersandarkan prinsip menjalankan tugas untuk dunia dan akhirat.


VISI

MENJADI INSTITUSI
PEMBUAT DASAR
HAL EHWAL AGAMA
ISLAM YANG UNGGUL
DAN BERWIBAWA


MISI


MEMPERKASAKAN
TADBIR URUS HAL
EHWAL AGAMA ISLAM
DEMI KESEJAHTERAAN
UMMAH

CARTA PENTADBIRAN ISLAM NEGERI KEDAH



CARTA ORGANISASI MAIK





PUNCA KUASA PERUNDANGAN

Punca kuasa perundangan yang membawa kepada penubuhan MAIK termaktub di dalam Subseksyen 4 (1) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008, iaitu, “Maka hendaklah ada suatu badan bernama “Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman” untuk membantu dan menasihati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan Agama Islam”.

ENAKMEN-ENAKMEN

- Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008;
- Enakmen Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam 1988;
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014;
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014;
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008;
- Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014;
- Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008;
- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014;
- Enakmen Tabong Pegawai-Pegawai Masjid Tahun 1968;
- Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam 1988; dan
- Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008.

KAEDAH-KAEDAH

- Kaedah-Kaedah Undang-Undang Keluarga Islam (Borang dan Fi) 2019;
- Kaedah Bagi Mengawal Perjumpaan Ugama di Masjid-Masjid dan Sekolah-Sekolah Ugama Kedah 1981;
- Kaedah Bayaran (Ahli-ahli Majlis, Jawatankuasa Fatwa dan Jawatankuasa Ulangbicara) 1978;
- Kaedah-Kaedah Hakam (Kedah Darul Aman) 2018;
- Kaedah-Kaedah Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Fi, Elaun dan Kos) 2018;
- Kaedah-Kaedah Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Sulh) 2018; dan
- Kaedah-Kaedah Tatacara Jenayah Mahkamah Syariah (Borang-Borang) 2018.

PERATURAN-PERATURAN

- Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid (Kedah Darul Aman) 2020;
- Peraturan Jawatankuasa Kariah (Kedah Darul Aman) 2020;
- Peraturan-Peraturan Peguam Syarie (Kedah Darul Aman) 2016;
- Peraturan-Peraturan Baitulmal (Kedah Darul Aman) 2021;
- Peraturan-Peraturan Pungutan Khairat (Kedah Darul Aman) 2021
- Peraturan-Peraturan Tauliah Mengajar Ugama Islam (BAYARAN) Tahun 1980; dan
- Peraturan-Peraturan Pendaftaran Muallaf (Kedah Darul Aman) 2023.

PUNCA KUASA BAGI PENTADBIRAN MAIK

- Akta Badan – Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605)
- Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240)
- Perintah Am
- Arahan Perbendaharaan
- Amalan Pengurusan Kewangan dan Akaun
- Pekeliling dan Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah
- Pekeliling dan Surat Pekeliling Pejabat Kewangan Negeri Kedah
- Pekeliling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Yang Diterima Pakai
- Pekeliling dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Yang Diterima Pakai

PELAN
STRATEGIK

MAIK

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH

2026–2030

BAB 2

HALA TUJU STRATEGIK MAIK 2026-2030

TERAS STRATEGIK MAIK

1

**MEMACU PERTUMBUHAN
EKONOMI DAN KEUTUHAN
SOSIAL UMMAH**

STRATEGIK 1.1

MENINGKATKAN BILANGAN
ASET BAITULMAL DAN WAKAF
AM BAGI TUJUAN PENJANAAN
EKONOMI

STRATEGIK 1.2

MEMPERBANYAKKAN
PELAKSANAAN PROJEK-
PEMBANGUNAN EKONOMI
UNTUK MANFAAT UMAT ISLAM

STRATEGIK 1.3

MENINGKATKAN
KEUPAYAAN PELAKSANAAN
PROJEK, PROGRAM DAN PAKEJ
BANTUAN SOSIAL

2

**MENYEMARAKKAN SYIAR
ISLAM DAN MENEGUHKAN
AKIDAH UMMAH**

STRATEGIK 2.1

MEMPERKUKUHKAN DASAR,
PERATURAN ATAU TATACARA
PENTADBIRAN ISLAM NEGERI
MELALUI KAJIAN DAN
PENYELIDIKAN YANG BERKESAN

STRATEGIK 2.2

MENGANJURKAN '*ISLAMIC-
SIGNATURE PROGRAMME*'
CTH : SKOP PENGURUSAN
SAUDARA BAHARU

STRATEGIK 2.3

MEMARTABATKAN
KEUNGGLAN PUSBA

3

**MENINGKATKAN
KECEKAPAN
PERKHIDMATAN
BERTERASKAN
ORGANISASI DIGITAL DAN
AUTOMASI PINTAR**

STRATEGIK 3.1

KECEKAPAN PENGURUSAN
MANFAAT WAKAF DAN WAKAF
TUNAI

STRATEGIK 3.2

PENGURUSAN SEWAAN DAN
PAJAKAN HARTANAH BERKESAN

STRATEGIK 3.3

PERKHIDMATAN MAL
BERKUALITI KEPADA UMMAH

STRATEGIK 3.4

PENDIGITALAN DAN
PENGOTOMASIAN
PERKHIDMATAN SERTA PROSES
KERJA

STRATEGIK 3.5

PEMANTAPAN PENGURUSAN
DATARAYA DAN KESELAMATAN
SIBER

2026-2030

4

**MENGUKUHKAN
KECEKAPAN PENGURUSAN
KEWANGAN DAN
PELABURAN**

STRATEGIK 4.1
REJUVENASI KUMPULAN ANAK
SYARIKAT MAIK

STRATEGIK 4.2
KECEKAPAN PENGURUSAN
KEWANGAN DAN PELABURAN
ORGANISASI

5

**MEMPERKASA
KETERLIHATAN, TADBIR
URUS ORGANISASI DAN
KEBERKESANAN UNDANG-
UNDANG**

STRATEGIK 5.1
MEMPERKEMASKAN UNDANG-
UNDANG, DASAR DAN
TATAKELOLA

STRATEGIK 5.2
PENGUKUHAN KUALITI,
INTEGRITI DAN NILAI WARGA
KERJA

STRATEGIK 5.3
KECEKAPAN PENGURUSAN
KOMUNIKASI STRATEGIK

STRATEGIK 5.4
PENGIKTIRAFAN DAN
PENARAFAN DARI INSTITUSI
KREDIBEL

6

**MODAL INSAN PRODUKTIF,
KOMPETEN DAN
BERPRESTASI TINGGI**

STRATEGIK 6.1
STRUKTUR ORGANISASI YANG
BERKESAN DAN KECUKUPAN
TENAGA KERJA

STRATEGIK 6.2
MEREALISASI BUDAYA KERJA
BAHARU DAN PEMBANGUNAN
BAKAT YANG BERKESAN

STRATEGIK 6.3
PENGURUSAN PRESTASI
BERIMPAK TINGGI

PELAN
STRATEGIK

MAIK

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH

2026–2030

BAB 3

KERANGKA PELAN STRATEGIK
MAIK 2026-2030

PUSAT TANGGUNGJAWAB

1	KHP	BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
2	BW	BAHAGIAN WAKAF
3	BB	BAHAGIAN BAITULMAL
4	BKA	BAHAGIAN KEWANGAN dan AKAUN
5	BPH	BAHAGIAN PEMBANGUNAN HARTANAH
6	PUSBA	PUSAT BIMBINGAN ISLAM SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH
7	BPPS	BAHAGIAN PENYELIDIKAN dan PERANCANGAN STRATEGIK
8	BTMM	BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT dan MULTIMEDIA
9	BAUD	BAHAGIAN AUDIT DALAM
10	BPS	BAHAGIAN PERUNDANGAN dan SEKRETARIAT
11	UKPK	UNIT KOMUNIKASI dan PEMASARAN KORPORAT
12	TABK	UNIT TABUNG AMANAH BAITULMAL KEDAH
13	UI	UNIT INTEGRITI

STRATEGI 1.1

MENINGKATKAN BILANGAN ASET BAITULMAL DAN WAKAF AM BAGI TUJUAN PENJANAAN EKONOMI

INISIATIF UTAMA		SUB-INISIATIF UTAMA / PELAN TINDAKAN UTAMA		PETUNJUK PRESTASI UTAMA		TAHUN DILAK-SANAKAN	PUSAT TANGGUNG - JAWAB
				INDIKATOR	SASARAN		
1.1.A	Memaksimakan Bilangan Aset Baitulmal / Wakaf Untuk Disewa / Dipajak Bagi Tujuan Penjanaan Hasil dan Menyokong Usaha Memperkasa Ekonomi Umat Islam	1	Penyediaan Pangkalan Data Yang Kondusif Bagi Kesemua Aset Baitulmal Dan Wakaf.	Penubuhan Task Force Team Untuk: SOP Dan Dokumen Yang Berkaitan (Checklist)	Task Force Team (Leader – MAIK) Kolaborasi Bersama Pihak Luar diwujudkan pada Suku Tahun 2 2026	2026	BW BB
		2	Melaksanakan Program Pemutihan Aset Baitulmal Menggunakan Model Baharu Yang Lebih Berkesan	Pemutihan Data Aset Baitulmal Jumlah Fail Disasarkan: 1,912	>300 Fail Setahun	2026-2030	BB
		3	Melaksanakan Program Pemutihan Aset Wakaf Menggunakan Model Baharu Yang Lebih Berkesan	Pemutihan Data Aset Wakaf (Sehingga Selesai Urusan Pentadbiran) Jumlah Fail Disasarkan: 964	>80 Fail Setahun	2026-2030	BW
		4	Menjalankan Kerja-kerja Penyelenggaraan / Naiktaraf Aset Untuk Memastikan Kesiagaan Aset Bagi Tujuan Sewaan / Pajakan	Penyelenggaraan Dijalankan Mengikut Jadual Bilangan Aset Siap Siaga Disewakan Berbanding Aset Ditangan	>80% Aset >90% Setiap Masa	2026-2030	BPH
1.1.B	Menjalankan Program Khas Peningkatan Sewaan / Pajakan Minima 50 Unit Aset Baitulmal Dan Wakaf Disewakan Dengan Konsep Dan Kadar Sewaan Komersial Bagi Menjana Penghasilan Yang Lebih Baik Daripada Jumlah Berkenaan 50% Unit (25 Unit) Akan Disewakan Dengan Konsep Penaja Untuk Membiayai Usahawan Pemula Di Dalam Memulakan Perniagaan	1	Mengenalpasti Lokasi Strategik Aset Hartanah Bagi Tujuan Sewaan Komersial.	Pemetaan ('Mapping') Aset Hartanah Wakaf dan Baitulmal Siap Disediakan Kemaskini Pemetaan (Mapping) Bilangan Aset Bangunan Perusahaan Untuk Sewaan (Wakaf / Baitulmal)	Suku tahun 2 / 2026 Tahunan Setiap Jun 2026 : >60 Unit 2027 : >60 Unit 2028 : >70 Unit 2029 : >75 Unit 2030 : >80 Unit	2026 2027-2030 2026-2030	BW BB BPH
		2	Membangunkan Pakej Dan Terma Rujukan Program	Terma Rujukan Siap Dalam Tempoh 6 Bulan	Suku tahun 2 / 2026	2026	BPH
		3	Memasarkan Secara Strategik Aset Hartanah Untuk Sewaan Oleh Kumpulan Sasar	Peratusan Aset Berjaya Disewakan Daripada Bilangan Aset Siap Disewakan	>95% Daripada Bilangan Aset Program Ini	2027-2030	BPH
		4	Menjalankan Kerja-kerja Penambahbaikan Terma Rujukan Atau Meningkatkan Bilangan Unit Sewaan.	Semakan Semula Terma Rujukan Sewaan Premis Peningkatan Kutipan Sewaan	Dijalankan Setiap 3 Tahun Sekali Peningkatan >5% Setiap Tahun	2026-2030 2026-2030	BPH BPH
1.1.C	Inisiatif Melaksanakan Program Khas Pemilikan Aset Strategik Baitulmal	1	Memperkasa Dasar Dan Terma Rujukan Perolehan Aset Strategik Baitulmal Khususnya Di Luar Negeri Kedah	Membangunkan Dasar Pembelian Aset Baharu MAIK	Dasar Pembelian Aset MAIK Siap Disediakan Pada Suku Tahun 3 / 2026	2026	BB BPH BPS BPPS
		2	Menjalankan Kerja-kerja Untuk Mengenalpasti, Memperoleh Dan Memiliki Aset Strategik Baitulmal	Usaha wajar ('Due Diligence') Untuk Hartanah Berpotensi Pembelian Aset Berpotensi	Kertas Usaha wajar ('Due Diligence') Disediakan Minima 1 Setiap Tahun Minima 1 Aset Pada 2027, Dan 2029	2026 2027 2029	BPH

STRATEGI 1.2

MEMPERBANYAKKAN PELAKSANAAN PROJEK-PEMBANGUNAN EKONOMI UNTUK MANFAAT UMAT ISLAM

INISIATIF UTAMA		SUB-INISIATIF UTAMA / PELAN TINDAKAN UTAMA		PETUNJUK PRESTASI UTAMA		TAHUN DILAK-SANAKAN	PUSAT TANGGUNG - JAWAB
				INDIKATOR	SASARAN		
1.2.A	Pelan Induk (Masterplan) Pembangunan Tanah Maik Untuk 2027-2030 Siap Disediakan	1	Pelaksanaan Siri Bengkel Dan Perbincangan Untuk Mengenalpasti Tanah-Tanah / Aset Hartanah MAIK Berpotensi Untuk Dibangunkan.	Pelan Induk (Masterplan) Pembangunan Tanah MAIK 2027-2030 Siap Disediakan	Suku Tahun 4 / 2026	2026	BPH BPS BB BPPS BW
		2	Melaksanakan Projek-projek Pembangunan Hartanah Baitulmal dan Wakaf Bagi Menjana Pendapatan Tambahan	Bilangan Projek Pembangunan Dijalankan	Minima 4 Projek Sepanjang 2027-2030	2027-2030	BPH
1.2.B	Pelaksanaan Projek- Projek Ekonomi Di Atas Tanah Milik Baitulmal / Wakaf Contoh Projek : Projek Pertanian, Penternakan, Lain-lain Aktiviti Ekonomi	1	Menjalankan Projek Ekonomi Secara Kolaborasi Dengan Agensi Yang Kredibel Dan Berdaya Maju	Bilangan Projek Ekonomi Dilaksanakan	Bilangan Minima Projek Dijalankan 2027 : 1 Projek 2028 : 1 Projek 2029 : 1 Projek 2030 : 1 Projek	2027 2028 2029 2030	BB BW
				Bilangan Usahawan Mendapat Manfaat Daripada Projek Dijalankan	Minima 4 Usahawan	2030	
				Peluang Kerja Diwujudkan Daripada Pelaksanaan Projek	Minima (Akumulatif) 2027 : 10 Orang 2028 : 20 Orang 2029 : 30 Orang 2030 : 40 Orang	2026-2030	
				Purata Pendapatan Peserta Program	>RM1700.00 Sebulan	2026 - 2030	
		2	Mewujudkan MOU, Terma, Rujukan Dan SOP	MOU, TOR Dan SOP Dengan Rakan Strategik Siap Disediakan	Suku Tahun 2 / 2026: 1 Rakan Strategik Memeterai Perjanjian Untuk Pelaksanaan 2027	2026 - 2029	BB BW
					Suku Tahun 2 / 2027: 1 Rakan Strategik Memeterai Perjanjian Untuk Pelaksanaan 2028		
					Suku Tahun 2 / 2028: 1 Rakan Strategik Memeterai Perjanjian Untuk Pelaksanaan 2029		
					Suku Tahun 2 / 2029: 1 Rakan Strategik Memeterai Perjanjian Untuk Pelaksanaan 2030		

STRATEGI 1.3

MENINGKATKAN KEUPAYAAN PELAKSANAAN PROJEK, PROGRAM DAN PAKEJ BANTUAN SOSIAL

INISIATIF UTAMA		SUB-INISIATIF UTAMA / PELAN TINDAKAN UTAMA		PETUNJUK PRESTASI UTAMA		TAHUN DILAK-SANAKAN	PUSAT TANGGUNG - JAWAB
				INDIKATOR	SASARAN		
1.3.A	Memperkasakan Hubungan Dengan Institusi Kemahiran / Agensi / Pusat Kerjaya	1	Merekayasa Dan Menambahbaik Serta Membangunkan Pakej Bantuan Sosial MAIK Matlamatnya Adalah Untuk Membantu Seramai Mungkin Kumpulan Sasar Melalui Model Kolaborasi Bagi Meminimakan Implikasi Kos MAIK Namun Memaksimumkan Penerima Bantuan Yang Layak	Membuat Kajian Keperluan Semasa Bantuan Baitulmal Kepada Golongan Sasar	Kajian Perbandingan Bantuan Baitulmal Dengan A gensi-agensi Lain Siap Pada Suku Tahun 4 / 2026	2026	BPPS BB
				Pakej Bantuan Sosial Baharu MAIK Dilancarkan	Suku tahun 1 / 2027	2027	BB
				Bilangan Penerima Bantuan Disasarkan	Peningkatan 10% Setiap Tahun Berbanding Data Penerima Bantuan Tahun Terdahulu	2027-2030	BB
				Peratusan Dana Pengurusan Bantuan / Dana Bantuan Dijana Secara Kolaborasi	Melebihi >30%	2027-2030	BB
		2	Memperudahkan Akses Dan Permohonan Serta Penyampaian Pakej Bantuan Sosial	Pembangunan Modul Permohonan Bantuan Agihan Menggunakan Aplikasi	Pelaksanaan Modul Bantuan Agihan Menggunakan Aplikasi Bermula Suku Tahun 1 / 2029	2029	BB
1.3.B	Melaksanakan Program- Program Khas Untuk Mengatasi Cabaran Sosial Umat Islam Negeri Kedah	1	Menjalankan Kajian Untuk Mengenalpasti Keperluan Strategik Projek Dan Program Berorientasikan Nilai Tambah Sosial MAIK	Kajian Siap Dilaksanakan dan Cadangan Projek Siap Disediakan	Suku tahun 4 / 2026	2026	BPPS
				2	Menjalankan Projek-projek Strategik Bagi Memperkasakan Nilai Tambah Sosial Masyarakat Berdasarkan Tema Yang Dikenalpasti Melalui Kajian Yang Dijalankan	Bilangan Projek Strategik Dijalankan Secara Kolaborasi	2027 : 1 Program 2028 : 1 Program 2029 : 1 Program 2030 : 1 Program
		Contoh Program Strategik : Menyediakan Kemudahan Atau Infrastruktur Yang Akan Memberi Manfaat Kepada Kualiti Kehidupan / Kesihatan Umat Islam	Bilangan Kolaborator Strategik (Dana , Tenaga , Jentera , Perkakasan)			Minima 2 Kolaborator Bagi Setiap Program	2027-2030
			Kaji selidik Impak Pelaksanaan Program Dilaksanakan		1 Kajian Setiap Tahun	2027-2030	BPPS
			Melaksanakan Program Pembangunan Jati Diri Dan Kepimpinan Belia Muslim Masa Depan		Bilangan Penerima Manfaat Program Khas	>300 Orang Setiap Tahun	2027-2030
		Menjalankan Program Khas Bagi Mengatasi Masalah Buli Di Kalangan Pelajar Sekolah	Impak Penambahbaikan Hasil Pelaksanaan Program		Purata Pengurangan Indikator Negatif Atau Peningkatan Indikator Positif Sebanyak 30%	2027-2030	BB BW

STRATEGI 2.1

MEMPERKUKUHKAN DASAR, PERATURAN ATAU TATACARA PENTADBIRAN ISLAM NEGERI MELALUI KAJIAN DAN PENYELIDIKAN YANG BERKESAN

INISIATIF UTAMA		SUB-INISIATIF UTAMA / PELAN TINDAKAN UTAMA		PETUNJUK PRESTASI UTAMA		TAHUN DILAK-SANAKAN	PUSAT TANGGUNG - JAWAB
				INDIKATOR	SASARAN		
2.1.A	Mengenalpasti Dasar Yang Perlu Disemek / Dibangunkan	1	Mengadakan Bengkel Khas Bagi Membangunkan Senarai Dasar-Dasar Utama Yang Perlu Dibangunkan / Direkayasa Untuk Penggal 2027-2030	Bengkel Selesai Dijalankan - Senarai Dasar dan Jadual Penyediaan / Pemurnian Siap Diwujudkan	Suku Tahun 4 / 2026	2026	BPPS Semua Bahagian/ Unit
		2	Menjalankan Bengkel Tahunan Untuk Mengemaskini Daftar Dasar Yang Perlu Diwujudkan / Direkayasa	Kekerapan Bengkel Semakan Daftar dan Pemurnian Jadual Penyediaan / Pemurnian Dasar	1 kali setahun	2027-2030	BPPS Semua Bahagian/ Unit
2.1.B	Menjalankan Kerja-Kerja Kajian Bagi Membangunkan dan Merekayasa Dasar Berdasarkan Jadual Diwujudkan	1	Menjalankan Kerja-Kerja Kajian Terhadap Dasar Yang Diberi	Pelaksanaan Kajian Dasar Mengikut Jadual Yang Diberi	Minima 1 Kajian Setahun >80% Kajian Dijalankan Mengikut Jadual	2027-2030	BPPS
		2	Menyediakan Draf Dasar Baharu / Pindaan Dan Memajukan Draf Untuk Kelulusan	Bilangan Draf Dasar Baharu / Pindaan Dimajukan Untuk Kelulusan	Minima 1 Draf Setahun >80% Draf Dimajukan Mengikut Jadual	2027-2030	BPPS
2.1.C	Mengukuhkan Keupayaan Penyelidikan Bagi Tujuan Penambahbaikan / Pewujudan Dasar Kajian Skala Besar, Sederhana dan Kecil	1	Meningkatkan Keupayaan Dalam MAIK Untuk Membiayai Kos Penyelidikan Secara Dalam	Bilangan Projek Kajian Penyelidikan Dijalankan Menggunakan Dana Dalam MAIK	Minima 2 Kajian Setahun	2026-2030	BPPS BKA
		2	Menjalankan Usaha Bagi Mengenalpasti Rakan Strategik Pembiaya (Penyedia Geran Penyelidikan)	Bilangan Rakan Strategik Pembiaya (Penyedia Geran)	Minima 2 Rakan Strategik Pembiaya Setahun	2026-2030	BPPS
				Bilangan Projek Kajian Penyelidikan Dijalankan Secara Kolaboratif (Tajaan)	Minima 2 Projek Kajian Setahun	2026-2030	BPPS
		3	Mengukuhkan Sinergi Dan Kolaborasi Dengan Institusi Penyelidikan Yang Kompeten Dan Kredibel	Bilangan Rakan Kolaborasi Penyelidikan	5 Rakan Kolaborasi Sepanjang 2026-2030 Minima 1 Organisasi Setiap tahun	2026-2030	BPPS
				Jumlah Pasukan Penyelidik MAIK Diwujudkan Menggunakan Model Kolaboratif	Minima 10 orang	2027-2030	BPPS
2.1.D	Memantapkan Pengurusan Dokumentasi Dan Penerbitan Hasil Penyelidikan	1	Mewujudkan Galeri / Pusat Penyelidikan Kecemerlangan Tamadun Islam Peringkat MAIK Termasuk Promosi Untuk Meningkatkan Kehadiran Pelawat	Galeri / Pusat Penyelidikan Kecemerlangan Tamadun Islam MAIK	Suku Tahun 1 / 2028	2028	BPPS BTMM UKPK
				Bilangan Pengunjung / Pelawat	500 orang setahun	2028-2030	
		2	Menerbitkan Hasil Penyelidikan Dan Memudahkan Hasil Kajian Untuk Diakses Secara Umum	Jualan Hasil Penyelidikan Melalui Laman Sesawang/ Media Sosial MAIK Diaktifkan Sasaran Jualan	Jualan Bermula Suku Tahun 1 / 2028 2028 : >RM5K/Thn 2029 : >RM8K/Thn 2030 : >RM10K/Thn	2028-2030 2028-2030	BPPS BTMM BPPS

STRATEGI 2.2

MENGANJURKAN 'ISLAMIC- SIGNATURE PROGRAMME' – SKOP SAUDARA BAHARU

INISIATIF UTAMA		SUB-INISIATIF UTAMA / PELAN TINDAKAN UTAMA		PETUNJUK PRESTASI UTAMA		TAHUN DILAK-SANAKAN	PUSAT TANGGUNG - JAWAB
				INDIKATOR	SASARAN		
2.2.A	Menganjurkan Forum / Konvensyen Berkaitan Pengurusan Saudara Baharu Bertaraf Nasional	1	Membangunkan Konsep, Perincian Dan Terma Rujukan Forum / Konvensyen	Bengkel Penyediaan Konsep Dilaksanakan dan Konsep Berjaya Dibangunkan	Suku Tahun 4 / 2027	2027	PUSBA UKPK
			• Pelaksanaan Bengkel • Memajukan Cadangan Konsep Untuk Kelulusan • Pembentukan Jawatankuasa Program	Konsep Program Dimajukan Untuk Kelulusan	Suku Tahun 1 / 2028	2028	PUSBA
				AJK Program Diwujudkan	Suku Tahun 2 / 2028	2028	PUSBA UKPK Lain-Lain Bahagian di MAIK
		2	Pemasaran dan Hebahan Program Untuk Mencapai Sasaran Penyertaan	Bilangan Penyertaan Agensi	Minima 20 Agensi Utama Disasarkan Dengan Kehadiran Seramai 500 orang	2028	PUSBA UKPK
				Bilangan Peserta Individu	500 orang peserta	2028	PUSBA UKPK
		3	Pelaksanaan Konvensyen Saudara Baharu Peringkat Nasional	Pelaksanaan Program	Suku Tahun 3 / 2029	2029	PUSBA
				Indeks Kepuasan Peserta Program	>90%	2029	PUSBA
				Impak Kutipan Infak Bagi Membiayai Program Pemeraksanaan Saudara Baharu	>RM 150K	2029	PUSBA

STRATEGI 2.3

MEMARTABATKAN KEUNGGULAN PUSBA

INISIATIF UTAMA		SUB-INISIATIF UTAMA / PELAN TINDAKAN UTAMA		PETUNJUK PRESTASI UTAMA		TAHUN DILAK-SANAKAN	PUSAT TANGGUNG - JAWAB
				INDIKATOR	SASARAN		
2.3.A	Pemantapan Profiling Saudara Baharu	1	Membangunkan Tatacara Dan Instrumen Penilaian Bagi Membolehkan Pengelasan Komitment Saudara Baharu Dikenalpasti Dan Risiko Berkaitan Diuruskan Dengan Lebih Berkesan	Ruangan Penilaian PUSBA Kepada Peserta Baharu Pengajian. 6 Kriteria Yang Perlu Ditambah Siap Disediakan	Suku Tahun 1 / 2026	2026	PUSBA
		2	Merekayasa Prosedur Operasi Kerja Dan Insentif Bagi Menghargai Dan Menyantuni Saudara Baharu Dikategorikan Sebagai Berkomitmen Tinggi Dan Berisiko Rendah	SOP Berkenaan Pengurusan Pengajian Saudara Baharu Siap Disediakan	Suku Tahun 1 / 2027	2027	PUSBA
2.3.B	Menyeragam, Menyelaras Dan Memperkasakan Modul Pendidikan Islam PUSBA Ke Tahap 3, Tahap 4 dan Pengkaderan Dakwah	1	Melantik Jawatankuasa Rentas Agensi	Jawatankuasa Rentas Agensi Diwujudkan • Universiti • Jab. Pend. Negeri (JPN) • MAIK	Suku Tahun 1 / 2026	2026	PUSBA
		2	Menjalankan Kerja-kerja Penyelarasan Gerak Kerja Pendidikan Islam Bagi Mengurangkan Isu Pertindanan Dan Elemen Kurang Bernilai Tambah	Penyediaan Modul Pendidikan Islam Saudara Baharu Tahap 3 dan 4	5 kali bengkel dikendalikan Siap Suku Tahun 2 / 2026	2026	PUSBA
				Penyediaan Modul Pendidikan Islam Saudara Baharu Pengkaderan Dakwah	5 kali bengkel dikendalikan Siap Suku Tahun 1 / 2027	2027	
		3	Menjalankan Kerja-kerja Menyeragamkan Serta Menyelaras Penulisan Pendidikan Islam Rentas Agensi Bagi Tahap 3, 4 dan Pengkaderan Dakwah	Penulisan Modul Pendidikan Islam Saudara Baharu Tahap 3 dan 4	5 kali bengkel dikendalikan Siap Suku Tahun 2 / 2026	2026	PUSBA
				Penulisan Modul Pendidikan Islam Saudara Baharu Pengkaderan Dakwah	5 kali bengkel dikendalikan Siap Suku Tahun 4 / 2027	2027	
		4	Memperkasakan Mekanisme Penilaian Tahap Kefahaman Dan Penguasaan Subjek	Mekanisme Penilaian Baharu Diperkenalkan	Suku Tahun 1 / 2028	2028	PUSBA
				Tahap Penguasaan dan Kefahaman Peserta	>90% Daripada Jumlah Peserta Keseluruhan	2028-2030	PUSBA

STRATEGI 2.3

MEMARTABATKAN KEUNGGULAN PUSBA

INISIATIF UTAMA		SUB-INISIATIF UTAMA / PELAN TINDAKAN UTAMA		PETUNJUK PRESTASI UTAMA		TAHUN DILAK-SANAKAN	PUSAT TANGGUNG - JAWAB	
				INDIKATOR	SASARAN			
2.3.C	Mempermudahkan Akses Kepada Kelas Pendidikan Islam	1	Membangunkan Dasar, Mekanisme, Prosedur Dan Kemudahan Berkaitan Untuk Membolehkan Pengajaran Dan Pembelajaran Secara Dalam Talian Dilaksanakan Bagi Memenuhi Keperluan Kumpulan Sasar	Dasar Pembelajaran Dalam Talian PUSBA Diperkenalkan	Suku Tahun 4 / 2027	2027	PUSBA BTMM BPS	
		2	Menjalankan Kajian Menambahbaik Konsep, Kaedah Gerak Kerja Dan Pelan Pelaksanaan 'PUSBA Satelit' Di Masjid-masjid (Dilaksanakan Secara Projek Rintis Dan Berperingkat)	Kajian Awal Mengenalpasti Lokasi Masjid Yang Sesuai Untuk Program Soal Jawab Agama Saudara Baharu	Suku Tahun 4 / 2026	2028	PUSBA BPPS	
				Bilangan PUSBA Satelit Diwujudkan (Projek Rintis)	Akumulatif 2027 = 1 Pusat 2028 = 2 Pusat 2029 = 3 Pusat 2030 = 4 Pusat	2027-2030	PUSBA	
